



21 JUL, 2023

Dua kastam ditahan kes seludup sisik tenggiling

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Dua kastam ditahan kes seludup sisik tenggiling

Kuala Lumpur: Dua pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) antara yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkait sindiket penyeludupan sisik tenggiling antarabangsa dalam Op Jaguar.

Menurut sumber, kedua-dua lelaki berusia 46 dan 56 tahun itu ditahan Isnin lalu kerana disyaki menerima sogokan daripada sindiket penyeludupan dan pelupusan sisik haiwan liar itu.

“Mereka disyaki menerima sogokan daripada sindiket penyeludupan dan pelupusan sisik tenggiling antarabangsa itu.

“Setakat ini, tiada rampasan dibuat dan siasatan lanjut sedang dijalankan oleh SPRM,” kata sumber.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Ha-

ram dan Pelucuthakan Harta (AML) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin menegaskan penahanan kedua-dua suspek.

Menurut sebuah yayasan antarabangsa pembanterasannya jenayah hidupan liar, Suruhanjaya Keadilan Hidupan Liar (WJC), sindiket itu dipercayai merasuah pegawai kastam dan ejen penghantaran barang untuk mengambil sisik hidupan liar itu yang sepatutnya dilupuskan dari gudang Jabatan Kastam.

Pemilik syarikat, ejen ditahan

Tambah WSJ, sisik hidupan liar itu kemudian dijual selepas mereka memalsukan proses pelupusan yang sepatutnya dijalankan. Sindiket ini juga dipercayai terbabit dalam pengubahan wang haram.

Terdahulu, media melaporkan,



Keratan akhbar BH
Ahad 16 Julai.

tujuh individu membabitkan warganegara Malaysia, Bangladesh, Pakistan dan Nepal berusia antara 30 hingga 59 tahun ditahan SPRM bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Daripada keseluruhan suspek yang ditahan, empat daripadanya direman sementara tiga lagi warga asing diserahkan ke Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut.

Dalam perkembangan sama, pemilik syarikat serta ejen pe-

lupusan sindiket penyeludupan dan pelupusan sisik tenggiling antarabangsa yang dicari sebelum ini, berjaya ditahan SPRM, Selasa lalu.

Suspek berusia 43 tahun yang melarikan diri ditahan selepas hadir menyerah diri di pejabat SPRM Selangor pada Selasa lalu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Menerusi Op Jaguar oleh Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM di sebuah premis di Klang, Selangor dan di ibu kota, Jumaat minggu lalu turut merampas 1.8 tan sisik tenggiling dianggarkan bernilai kira-kira RM23.4 juta.



21 JUL, 2023

Dua kastam ditahan kes seludup sisik tenggiling

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Dua pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) antara yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkait sindiket penyeludupan sisik tenggiling antarabangsa dalam Op Jaguar. Menurut sumber, kedua-dua lelaki berusia 46 dan 56 tahun itu ditahan Isnin lalu kerana disyaki menerima sogokan daripada sindiket penyeludupan dan pelupusan sisik haiwan liar itu. “Mereka disyaki menerima sogokan daripada sindiket penyeludupan dan pelupusan sisik tenggiling antarabangsa itu.